



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERIPADUKABAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 12

8hb Jun 2006

*TAMBAHAN No. 58
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 210.

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

**PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN NEGARA
KUWAIT) 2006**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Negara Kuwait) 2006**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Kuwait dengan tujuan memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Kuwait (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL
(Perenggan 2)

**PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN
NEGARA KUWAIT BAGI MENGELAKKAN PENCUKAIAN DUA KALI
DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI
KE ATAS PENDAPATAN DAN BAGI MENERATKAN PERHUBUNGAN
EKONOMI**

Kerajaan Malaysia Dan Kerajaan Negara Kuwait berhasrat untuk membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan pencukaian dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai ke atas pendapatan dan bagi mengukuhkan perhubungan ekonomi, telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin bagi satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai-cukai ke atas pendapatan yang dikenakan oleh Negara Pejanji, tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevikan.
2. Cukai-cukai yang menjadi subjek Perjanjian ini adalah:
 - (a) di Malaysia:
 - (i) cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan;
 - (ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu cukai pembangunan; dan
 - (iii) cukai pendapatan petroleum;(kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);
 - (b) di Negara Kuwait:
 - (i) cukai pendapatan syarikat;
 - (ii) 5% daripada keuntungan bersih syarikat pemegang saham yang kena dibayar kepada Yayasan Pemajuan Sains Kuwait (KFAS); dan
 - (iii) Zakat;(kemudian daripada ini disebut “cukai Kuwait”).

3. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau yang sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, cukai yang sedia ada. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang perubahan-perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang cukai masing-masing.

Perkara 3

TAKRIF AM

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “Malaysia” ertinya wilayah Persekutuan Malaysia, wilayah perairan Malaysia dan dasar laut dan tanah wilayah perairan, dan termasuklah mana-mana kawasan melewati batasan wilayah perairan Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah bagi mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia dan mengikut undang-undang antarabangsa sebagai kawasan yang Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi tujuan eksplorasi dan eksploitasi sumber alam, sama ada hidup atau tak hidup;
- (b) istilah “Kuwait” ertinya Negara Kuwait dan termasuklah mana-mana kawasan melewati laut wilayah yang mengikut undang-undang antarabangsa telah atau mungkin ditetapkan di bawah undang-undang Kuwait sebagai suatu kawasan di mana Kuwait boleh menjalankan hak atau bidang kuasa kedaulatan;
- (c) istilah “Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Kuwait sebagaimana yang konteksnya menghendaki;
- (d) istilah “orang” termasuklah individu, syarikat dan mana-mana kumpulan orang yang lain yang dikira sebagai orang bagi maksud-maksud cukai;
- (e) istilah “syarikat” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan atau apa-apa entiti yang dikira sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah “perusahaan Negara Pejanji” dan “perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi” masing-masing bererti perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;
- (g) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Kuwait, sebagaimana yang konteksnya menghendaki;
- (h) istilah “rakyat” ertinya:
 - (i) berkenaan dengan Malaysia, mana-mana individu yang memiliki kewarganegaraan atau kerakyatan Negara Malaysia dan mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan apa-apa entiti yang memperolehi tarafnya yang sedemikian itu daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;

- (ii) berkenaan dengan Kuwait, mana-mana individu yang memiliki kewarganegaraan Kuwait dan mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian dan persatuan yang memperoleh tarafnya yang sedemikian itu daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Kuwait;
- (i) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu perusahaan yang mempunyai tempat pengurusannya yang berkesan di Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi;
- (j) istilah “pihak berkuasa kompeten” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
 - (ii) dalam hal Kuwait, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa.

2. Dalam pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara itu berkenaan dengan cukai-cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin Negara Pejanji” ertinya:
 - (a) dalam hal Malaysia, seseorang yang bermastautin di Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia; dan
 - (b) dalam hal Kuwait, seseorang individu yang mempunyai domisil di Kuwait dan adalah warganegara Kuwait dan suatu syarikat yang diperbadankan di Kuwait atau mempunyai tempat pengurusannya yang berkesan di Kuwait.
2. Bagi maksud-maksud perenggan 1 di atas
 - (a) Malaysia dan subbahagian politiknya hendaklah disifatkan menjadi pemastautin Malaysia;
 - (b) Kuwait hendaklah disifatkan menjadi pemastautin Kuwait;
 - (c) institusi-institusi kerajaan hendaklah disifatkan, mengikut sebagai pemastautin Malaysia atau Kuwait. Mana-mana institusi hendaklah disifatkan sebagai institusi Kerajaan yang telah diadakan oleh Kerajaan salah satu Negara Pejanji atau, dalam hal Malaysia, subbahagian politiknya, bagi memenuhi fungsi-fungsi awam dan yang diiktiraf sebagai demikian melalui persefahaman bersama pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji.

3. Jika oleh sebab peruntukan perenggan 1 seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti berikut:

- (a) dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya;
- (b) jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di kedua-dua Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang mana perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan vital);
- (c) Jika Negara di mana dia mempunyai pusat kepentingan vitalnya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia baginya di salah satu Negara, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
- (d) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua negara itu, dia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara yang mana dia adalah rakyatnya.

4. Jika, oleh sebab peruntukan perenggan 1, seseorang yang selain daripada seseorang individu adalah pemastautin di kedua-dua Negara Pejanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara di mana tempat pengurusannya berkesan terletak.

Perkara 5

ESTABLISHMEN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “establishmen tetap” ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap yang melaluinya kesemua atau sebahagian daripada perniagaan sesuatu perusahaan dijalankan.

2. Istilah “establishmen tetap” termasuklah terutamanya:

- (a) suatu tempat pengurusan;
- (b) suatu cawangan;
- (c) suatu pejabat;
- (d) suatu kilang;
- (e) suatu woksyo;
- (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau mana-mana lain tempat pengeluaran sumber-sumber alam termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan;
- (g) suatu kebun atau ladang;
- (h) suatu tapak bangunan atau projek pembinaan yang sedia ada bagi tempoh melebihi 12 bulan;
- (i) suatu projek pemasangan atau pemasangan yang sedia ada bagi tempoh melebihi 6 bulan.

3. Istilah “establismen tetap” hendaklah disifatkan tidak termasuk:
 - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan atau pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;
 - (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemprosesan oleh perusahaan yang lain;
 - (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang-barang atau dagangan, atau bagi maksud pengumpulan maklumat, bagi perusahaan itu;
 - (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud menjalankan, bagi perusahaan itu, apa-apa aktiviti lain yang bersifat persediaan atau tambahan;
 - (f) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi apa-apa kombinasi aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam subperenggan (a) hingga (e), dengan syarat bahawa aktiviti keseluruhannya bagi tempat perniagaan yang tetap itu yang berbangkit daripada kombinasi ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.
4. Suatu perusahaan Negara Pejanji hendaklah disifatkan mempunyai establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan di Negara yang satu lagi itu bagi tempoh melebihi 6 bulan berkaitan dengan suatu projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang sedang dijalankan di Negara yang satu lagi itu.
5. Seseorang (selain daripada seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 terpakai) yang bertindak dalam suatu perusahaan Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai suatu establismen tetap dalam Negara yang mula-mula disebut itu, jika:
 - (a) dia mempunyai, dan lazimnya menjalankan di Negara yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa untuk membuat kontrak dalam nama perusahaan itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada pembelian barang-barang atau dagangan bagi perusahaan itu; atau
 - (b) dia menyenggara dalam Negara yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu yang daripadanya dia kerap membuat pesanan bagi pihak perusahaan itu; atau
 - (c) dia mengeluarkan atau memproses dalam Negara yang mula-mula disebut itu bagi barang-barang atau dagangan perusahaan yang dipunyai oleh perusahaan itu.
6. Suatu perusahaan Negara Pejanji hendaklah disifatkan mempunyai suatu establismen tetap di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana ia menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak mengikut perjalanan biasa urusan mereka.

Walaupun bagaimanapun apabila aktiviti-aktiviti ejen sedemikian dijalankan secara keseluruhannya atau hampir keseluruhannya bagi pihak perusahaan itu, dia tidaklah boleh dianggap sebagai seorang ejen yang bertaraf bebas jika transaksi-transaksi di antara ejen dan perusahaan itu tidak dibuat di bawah syarat-syarat secara berniaga.

7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara yang satu lagi itu (sama ada melalui establismen tetap atau selainnya), tidaklah boleh dengan sendirinya menjadi salah satu syarikat suatu establismen tetap syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARIPADA HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seorang pemastautin di suatu Negara Pejanji daripada harta tak alih yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukaikan di Negara yang satu lagi itu.
2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “harta tak alih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Istilah ini hendaklah dalam apa-apa hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak-hak yang kepadanya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah terpakai, usufruk harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran boleh ubah atau tetap sebagai balasan bagi pengusahaan atau hak untuk mengusahakan, longgokan galian, telaga minyak atau gas, kuari dan lain-lain tempat pengeluaran sumber-sumber alam termasuk kayu atau keluaran hutan yang lain. Kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.
3. Peruntukan perenggan 1 hendaklah terpakai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penggunaan secara langsung, penyewaan, atau penggunaan harta tak alih itu dengan apa-apa cara lain.
4. Peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan daripada harta tak alih bagi suatu perusahaan dan bagi pendapatan daripada harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan suatu perusahaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan seperti yang disebutkan terdahulu, keuntungan perusahaan itu boleh dicukaikan di Negara yang satu lagi itu tetapi hanya atas sekian banyak daripada keuntungan yang boleh dikaitkan dengan establismen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu perusahaan Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam setiap Negara Pejanji dikaitkan dengan establismen tetap itu keuntungan yang mungkin dijangkakan dibuat olehnya jika ia adalah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang ianya menjadi suatu establismen tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu establismen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan termasuklah perbelanjaan menjalankan kerja dan pentadbiran am, yang boleh dipotong jika establismen tetap itu adalah suatu perusahaan bebas, sama ada dilakukan dalam Negara di mana establismen tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Setakat yang menjadi kelaziman di Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang hendaklah dikaitkan dengan establismen tetap atas dasar pengumpulan keuntungan sepenuhnya perusahaan itu kepada berbagai-bagai bahagiannya, tiada apa-apa jua dalam perenggan 2 boleh menahan Negara Pejanji itu daripada menentukan keuntungan yang akan dicukai oleh suatu pengumpulan sedemikian sebagaimana yang lazimnya; cara pengumpulan yang diterimapakai itu hendaklah, walau bagaimanapun, sedemikian cara bahawa hasilnya hendaklah, mengikut prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Tiada keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establismen tetap semata-mata kerana establismen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan bagi perusahaan itu.

6. Bagi maksud-maksud perenggan-perenggan yang terdahulu, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establismen tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dari tahun ke tahun melainkan jika terdapat sebab yang baik dan mencukupi untuk ditentukan sebaliknya.

7. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diuruskan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan Perkara tersebut hendaklah tidak terjejas oleh peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan yang diperolehi oleh suatu perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

2. Perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi bahagian keuntungan daripada pengendalian kapal atau pesawat udara yang diperolehi oleh seorang pemastautin suatu Negara Pejanji melalui penyertaan dalam suatu kumpulan, suatu perniagaan bersama atau suatu ejensi pengendalian antarabangsa.

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

Jika—

- (a) suatu perusahaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, atau
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau tak langsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal perusahaan suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam mana-mana satu hal syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua perusahaan itu dalam perhubungan komersil atau kewangan mereka yang berlainan daripada apa yang dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka apa-apa keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada satu daripada perusahaan itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat tersebut, tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukaikan di Negara yang satu lagi itu.
2. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia kepada pemastautin Kuwait yang menjadi pemunya benefisialnya hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dikenakan ke atas dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan berkenaan dengan pendapatan syarikat. Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang daripadanya cukai Malaysia telah, atau telah disifatkan sebagai, dipotong boleh diselaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai yang bersesuaian dengan tahun taksiran Malaysia yang berikutnya selepas sahaja tahun taksiran yang dividen itu telah dibayar.
3. Istilah “dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer-syer atau hak-hak lain, yang bukannya tuntutan hutang, menyertai dalam keuntungan, serta juga pendapatan daripada lain-lain hak perbadanan yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama seperti pendapatan daripada syer-syer mengikut undang-undang Negara di mana syarikat yang membuat pengagihan itu menjadi pemastautin.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial dividen itu, selaku pemastautin Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi, di mana syarikat yang membayar dividen itu adalah pemastautin, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan pegangan yang berkenaan dengannya dividen itu dibayar berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

5. Jika syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh pendapatan atau keuntungan daripada Negara Pejanji yang satu lagi, Negara yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan apa-apa cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang-orang yang bukan pemastautin Negara yang satu lagi itu, atau membolehkan keuntungan syarikat yang tak diagihkan dikenakan cukai ke atas keuntungan yang tak diagihkan itu, walaupun jika dividen yang dibayar atau keuntungan yang tak diagihkan itu terdiri keseluruhannya atau sebahagiannya terdiri daripada pendapatan atau keuntungan yang terbit di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 11

BUNGA

1. Bunga yang terbit di Negara Pejanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, bunga itu boleh, dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial bunga itu, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi 10 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan perenggan 2, bunga yang seorang pemastautin Kuwait adalah berhak secara benefisial hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau keterhutangan lain berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah suatu pinjaman yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 Malaysia.

4. Walau apa pun peruntukan perenggan 2 dan 3, Kerajaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi berkenaan dengan bunga yang diperolehi oleh Kerajaan daripada Negara yang satu lagi itu.

5. Bagi maksud perenggan 4; istilah “Kerajaan”:

(a) dalam hal Malaysia, ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk:

- (i) kerajaan-kerajaan Negeri;
- (ii) pihak-pihak berkuasa tempatan;
- (iii) badan-badan berkanun;
- (iv) Bank Negara Malaysia; dan

- (v) mana-mana institusi, modal yang mana keseluruhannya dipunyai oleh Kerajaan Malaysia atau kerajaan-kerajaan Negeri, atau pihak-pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji;

(b) dalam hal Kuwait ertinya Kerajaan Kuwait dan hendaklah termasuk:

- (i) institusi-institusi Kerajaan Kuwait;
- (ii) syarikat-syarikat yang keseluruhannya secara langsung atau tak langsung dipunyai atau dikawal oleh Kerajaan Kuwait atau institusi kerajaannya atau oleh kombinasi kedua-duanya; dan
- (iii) mana-mana entiti lain sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji.

6. Jika kerajaan suatu Negara Pejanji menyertai dalam suatu pinjaman secara tak langsung melalui suatu ejen atau selainnya, pengecualian yang dirujuk kepada dalam perenggan 4 hendaklah terpakai mengikut kadar penyertaan kerajaan itu dalam pinjaman sedemikian. Penyertaan itu hendaklah dibuktikan melalui suatu perakuan bagi maksud ini oleh pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji itu.

7. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada tiap-tiap jenis tuntutan hutang, sama ada dicagarkan secara gadai-janji atau tidak, dan sama ada membawa hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang atau tidak, dan khususnya, pendapatan daripada sekuriti kerajaan dan pendapatan daripada bon atau debentur.

8. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial bunga itu, selaku pemastautin Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu terbit, melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.

9. Bunga hendaklah disifatkan terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayar adalah Negara itu sendiri, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia seorang pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya keterhutangan yang atasnya bunga yang dibayar itu dikenakan, dan bunga itu adalah ditanggung oleh establismen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.

10. Jika, oleh kerana suatu perhubungan istimewa di antara pembayar dan pemunya benefisial atau di antara kedua-dua mereka dan beberapa orang yang lain, amaun bunga yang dibayar itu, setelah menimbangkan tuntutan hutang yang baginya bunga itu dibayar, melebihi amaun yang akan dipersetujui oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang

terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah memberi pertimbangan wajar kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi bolehlah dikenakan cukai di Negara yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, royalti tersebut boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika penerimanya adalah pemunya benefisial royalti itu, cukai yang dikenakan sedemikian hendaklah tidak melebihi:
 - (a) 10 peratus daripada amaun kasar royalti itu di mana royalti itu adalah seperti yang ditakrifkan dalam subperenggan (a) perenggan 3;
 - (b) 15 peratus daripada amaun kasar royalti itu di mana royalti itu adalah seperti yang ditakrifkan dalam subperenggan (b) perenggan 3.
3. Istilah “royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pembayaran apa-apa jenis yang diterima sebagai balasan bagi:
 - (a) penggunaan, hak untuk menggunakan apa-apa paten, cap dagangan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau apa-apa hakcipta karya saintifik, atau bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, komersial, atau saintifik, atau bagi maklumat berkaitan dengan pengalaman perindustrian, komersial atau saintifik;
 - (b) penggunaan, atau hak untuk menggunakan, filem wayang, atau pita untuk siaran radio atau televisyen, apa-apa hakcipta bagi kesusasteraan atau kesenian.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah terpakai jika pemunya benefisial royalti itu, selaku pemastautin di Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit melalui suatu establismen tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkenaan dengannya royalti itu dibayar adalah berkaitan secara berkesan dengan establismen tetap itu. Dalam hal sedemikian, peruntukan Perkara 7 hendaklah terpakai.
5. Royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayar adalah Negara itu atau suatu badan berkanunnya, atau pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia adalah seorang pemastautin Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu establismen tetap yang berkaitan dengannya obligasi untuk membayar royalti itu dilakukan, dan royalti tersebut adalah ditanggung oleh establismen tetap, maka royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit di Negara di mana establismen tetap itu terletak.

6. Jika, oleh sebab suatu perhubungan istimewa di antara pembayar royalti dan pemunya benefisial atau kedua-dua mereka dan beberapa orang lain, amaun royalti yang kena di bayar, setelah menimbangkan penggunaan hak atau maklumat yang baginya royalti itu dibayar, melebihi amaun yang sepatutnya dipersetujui baginya oleh pembayar dan pemunya benefisial itu jika tidak ada perhubungan sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah terpakai hanya bagi amaun yang terakhir disebut itu. Dalam hal sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, setelah memberi perhatian yang wajar kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini.

Perkara 13

LABA MODAL

1. Laba daripada pemberimilikan harta tak alih, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, bolehlah dicukaikan di Negara Pejanji di mana harta itu terletak.

2. Laba daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan establismen tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih kepunyaan pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan professional, termasuklah apa-apa laba daripada pemberimilikan establismen tetap sedemikian (bersendirian atau bersama dengan keseluruhan perusahaan) boleh dicukaikan di Negara yang satu lagi.

Walau bagaimanapun, laba daripada pemberimilikan kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu perusahaan Negara Pejanji dalam lalu lintas antarabangsa dan harta alih yang berhubungan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara itu hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara di mana perusahaan itu menjadi pemastautin.

3. Laba daripada pemberimilikan apa-apa harta atau aset, selain daripada harta yang disebut dalam perenggan 1 dan 2 Perkara ini, hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji di mana pemberimiliknya adalah pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN DIRI BEBAS

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin Negara Pejanji berkenaan dengan perkhidmatan profesional atau lain-lain aktiviti bebas yang serupa sifatnya hendaklah dikenakan cukai hanya di negara itu. Walaubagaimanapun, dalam hal-hal keadaan yang berikut pendapatan sedemikian bolehlah dicukaikan di Negara Pejanji yang satu lagi:

- (a) jika dia tinggal di negara yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang sampai kepada atau melebihi agregat 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan; atau

- (b) jika saraan bagi perkhidmatannya di Negara yang satu lagi adalah sama ada diperolehi daripada pemastautin-pemastautin Negara itu atau ditanggung oleh establismen tetap yang mana orang yang bukannya pemastautin di Negara itu mempunyai di Negara itu dan yang mana, dalam mana-mana hal melebihi US 4000 dolar dalam tahun kalendar yang berkenaan, walau apapun jangka masa tinggalnya di Negara itu adalah bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang kurang daripada 183 hari dalam masa tahun kalendar itu.

2. Istilah “perkhidmatan profesional” termasuklah terutamanya aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran sebagaimana juga dengan aktiviti bebas pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor pergigian dan akauntan.

Perkara 15

PERKHIDMATAN DIRI TAK BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 16, 18, 19, dan 20, gaji, upah dan lain-lain saraan yang serupa sifatnya yang diperolehi oleh pemastautin di Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu melainkan pekerjaan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika pekerjaan itu dijalankan sedemikian, saraan sedemikian sebagaimana yang diperolehi daripadanya boleh dicukaikan di Negara yang satu lagi.
2. Walau apapun peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi daripada pemastautin di Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang mula-mula disebut itu jika:
 - (b) penerima itu berada di Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi agregat 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan; dan
 - (b) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, majikan yang bukannya pemastautin di Negara yang satu lagi; dan
 - (c) saraan itu tidak ditanggung oleh pemastautin atau establismen tetap yang majikan itu punyai di Negara yang satu lagi.
3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan terdahulu Perkara ini, saraan yang diperolehi berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau pesawat udara di lalulintas antarabangsa hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji di mana tempat pengurusannya yang berkesan bagi perusahaan itu terletak.

Perkara 16

FEE PENGARAH

Fee pengarah dan pembayaran yang sama yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai anggota lembaga pengarah suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, bolehlah dicukaikan di Negara yang satu lagi itu.

Perkara 17**SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN**

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 14 dan 15 pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai seorang penghibur, misalnya seniman teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau seorang ahli muzik, atau sebagai seorang olahragawan, daripada aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukaikan di Negara yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur atau seorang olahragawan atas sifatnya yang sedemikian terakru tidak kepada penghibur atau olahragawan itu sendiri tetapi terakru kepada orang lain, pendapatan itu bolehlah, walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 7, 14 dan 15, dicukaikan di Negara Pejanji di mana aktiviti penghibur atau olahragawan itu dijalankan.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 hendaklah terpakai bagi saraan atau keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti yang dijalankan di Negara Pejanji jika lawatan ke Negara itu adalah dengan secara langsung atau tak langsung disokong secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada kumpulan wang awam Negara Pejanji yang satu lagi, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun Negara yang satu lagi itu.

Perkara 18**PENCEN DAN ANUITI**

1. Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 Perkara 19, apa-apa pencen dan lain-lain saraan yang serupa daripada pekerjaan terdahulu atau apa-apa anuiti yang terbit di Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara yang satu lagi.

2. Isilah “anuiti” termasuk jumlah wang yang dinyatakan yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa tertentu, semasa hayat atau dalam tempoh masa yang dinyatakan atau boleh ditentukan, di bawah kewajipan untuk membuat pembayaran sebagai pulangan bagi balasan yang cukup dan penuh dalam bentuk wang atau yang boleh dinilai dengan wang.

Perkara 19**PERKHIDMATAN KERAJAAN**

1. (a) Saraan, selain daripada pencen, yang dibayar oleh Negara Pejanji atau subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara itu atau subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

(b) Walau bagaimanapun, saraan tersebut hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan itu diberikan di Negara itu dan penerimanya adalah pemastautin Negara yang satu lagi itu yang:

- (i) menjadi rakyat Negara itu, atau
- (ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud melaksanakan perkhidmatan itu.

2. Apa-apa pencen yang dibayar oleh, atau daripada kumpulan wang yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya kepada mana-mana individu berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi kepada Negara itu, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 15, 16, dan 18 hendaklah terpakai kepada saraan atau pencen berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi berkenaan berkaitan dengan apa-apa tred atau perniagaan yang dijalankan oleh Negara Pejanji, subbahagian politik, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

Perkara 20

PENUNTUT DAN PELATIH

Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan sedang berada secara sementara di Negara yang satu lagi itu semata-mata:

- (a) sebagai penuntut di universiti, kolej, sekolah beriktiraf atau lain-lain institusi pendidikan beriktiraf yang serupa di Negara yang satu lagi itu;
- (b) sebagai perantis perniagaan atau teknikal; atau
- (c) sebagai penerima pemberian, elaun atau award yang bagi maksud utama pengkajian, penyelidikan atau latihan daripada pertubuhan saintifik, pendidikan, keagamaan atau khairat atau di bawah program bantuan teknikal yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana satu Negara;

hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu mengenai:

- (i) segala remitan dari luar negara bagi maksud penyaraan, pendidikan, pengkajian, penyelidikan atau latihannya;
- (ii) amaun pemberian, elaun atau award tersebut; dan
- (iii) apa-apa saraan yang tidak melebihi USD 2500 setahun berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan di Negara yang satu lagi itu dengan syarat perkhidmatan-perkhidmatan itu dilaksanakan berkaitan dengan pengkajian, penyelidikan atau latihannya atau adalah perlu bagi maksud penyaraannya.

Perkara 21**GURU DAN PENYELIDIK**

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi, dan, atas jemputan mana-mana universiti, kolej atau lain-lain institusi pendidikan yang serupa, melawat Negara yang satu lagi itu bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di institusi pendidikan tersebut hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara yang satu lagi itu atas apa-apa saraan bagi pengajaran atau penyelidikan itu yang tertakluk kepada cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebut itu.
2. Perkara ini tidaklah terpakai bagi pendapatan daripada penyelidikan jika penyelidikan itu diusahakan terutamanya bagi faedah persendirian seseorang atau orang-orang tertentu.

Perkara 22**PENDAPATAN YANG TIDAK DISEBUTKAN DENGAN NYATA**

Butiran-butiran pendapatan pemastautin Negara Pejanji yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Perkara-Perkara terdahulu Perjanjian ini hendaklah dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu kecuali bahawa jika pendapatan itu diperolehi daripada sumber-sumber di Negara Pejanji yang satu lagi, ia boleh juga dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

Perkara 23**PENGHAPUSAN PENCUKAIAN DUA KALI**

1. Undang-undang yang berkuatkuasa dalam mana-mana satu Negara Pejanji hendaklah terus menentukan cukai di Negara-Negara Pejanji masing-masing kecuali di mana peruntukan sebaliknya dibuat dalam Perjanjian ini.
2. Adalah dipersetujui bahawa pencukaian dua kali hendaklah dielakkan mengikut perenggan-perenggan yang berikut dalam Perkara ini.
3. Tertakluk kepada undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar di mana-mana negara selain daripada Malaysia, cukai Kuwait yang kena dibayar di bawah undang-undang Kuwait dan mengikut Perjanjian ini oleh seorang pemastautin Malaysia berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari Kuwait hendaklah dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu.
4. Dalam hal Kuwait:

Jika seorang pemastautin Kuwait memiliki butiran-butiran pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam Malaysia, Kuwait boleh mencukai butiran-butiran pendapatan ini dan boleh memberi pelepasan bagi cukai-cukai Malaysia yang ditanggung mengikut peruntukan undang-undang domestiknya.

Dalam hal sedemikian, Kuwait hendaklah memotong daripada cukai-cukai yang dikira sedemikian, cukai pendapatan yang dibayar di Malaysia tetapi sebanyak amaun yang tidak melebihi perkadaran cukai Kuwait yang disebutkan terdahulu yang butiran-butiran pendapatan tersebut berbandingkan dengan pendapatan keseluruhannya.

5. Bagi maksud perenggan 4, cukai-cukai yang telah dikecualikan atau dikurangkan di Malaysia menurut kuasa undang-undang galakan khas bagi memajukan pembangunan ekonomi Malaysia atau apa-apa peruntukan lain yang mungkin kemudiannya diperkenalkan di Malaysia sebagai pengubahsuaian, atau sebagai tambahan kepada, undang-undang itu atau menurut kuasa peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai telah dibayar dan hendaklah di mana berkenaan dibenarkan sebagai kredit dalam Kuwait sebanyak amaun yang sama dengan cukai yang mungkin telah dibayar jika tiada pengecualian atau potongan tersebut telah dibuat.

6. Bagi maksud perenggan 4, jika royalti yang diperolehi daripada seorang pemastautin Kuwait adalah, seperti sewaan filem, tertakluk kepada duti penyewaan filem sinematograf di Malaysia, duti itu hendaklah disifatkan sebagai cukai Malaysia.

Perkara 24

TAK BERDISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih membebankan daripada pencukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang kepadanya rakyat Negara yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama adalah atau boleh tertakluk:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mengenakan suatu obligasi undang-undang ke atas mana-mana satu Negara Pejanji untuk melanjutkan kepada pemastautin yang satu lagi itu, faedah apa-apa layanan, keutamaan atau keistimewaan yang boleh diberikan kepada mana-mana Negara lain bagi pemastautinnya oleh sebab pembentukan suatu kesatuan kastam, kesatuan ekonomi, suatu kawasan perdagangan bebas atau apa-apa perkiraan serantau atau sub-serantau yang berhubungan secara keseluruhannya atau terutamanya dengan pencukaian atau pergerakan modal yang kepadanya Negara tersebut mungkin menjadi pihak.

2. Pencukaian ke atas sesuatu establismen tetap yang suatu perusahaan Negara Pejanji punyai di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dilevikan di Negara yang satu lagi itu secara kurang baik daripada pencukaian yang dilevikan ke atas perusahaan-perusahaan Negara yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.

3. Perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya dimiliki atau dikawal secara kesemuanya atau sebahagiannya, secara langsung atau tak langsung, oleh seorang atau lebih pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah tertakluk di Negara yang mula-mula disebut itu kepada apa-apa pencukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih membebankan

daripada pencukaaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang kepadanya lain-lain perusahaan yang serupa bagi Negara yang mula-mula disebut itu adalah atau bolehlah tertakluk.

4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan:

- (a) Negara Pejanji supaya memberi kepada individu yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi apa-apa elaun diri, pelepasan dan pengurangan diri bagi maksud cukai oleh sebab taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikannya kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri;
- (b) Malaysia supaya memberi kepada rakyat Kuwait yang tidak bermastautin di Malaysia elaun, pelepasan dan pengurangan diri itu bagi maksud cukai yang menurut undang-undang yang ada pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani hanya kepada rakyat Malaysia yang tidak bermastautin di Malaysia.

5. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana satu Negara pejanji daripada menghadkan kepada rakyat-rakyatnya penikmatan galakan-galakan cukai yang dirancang untuk memajukan pembangunan ekonomi di Negara itu.

6. Dalam Perkara ini, istilah “pencukaaian” ertinya cukai yang baginya Perjanjian ini terpakai.

Perkara 25

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seorang pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan baginya pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian ini, dia boleh, walau apa pun remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang pencukaaian Negara-Negara itu, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa kompeten Negara di mana dia adalah pemastautin atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 24, kepada Negara di mana dia adalah rakyat. Kesnya hendaklah dikemukakan dalam masa tiga tahun daripada pemberitahuan pertama tentang tindakan yang mengakibatkan pencukaaian yang tidak mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

2. Pihak berkuasa kompeten itu hendaklah berusaha, jika bantahan itu didapatinya benar dan jika ia dengan sendirinya tidak dapat mencapai penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes itu dengan persetujuan bersama dengan pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji yang satu lagi, dengan maksud mengelakkan pencukaaian yang tidak mengikut Perjanjian itu. Apa-apa persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walaupun terdapat apa-apa had masa dalam undang-undang domestik Negara Pejanji itu.

3. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul mengenai penafsiran atau pemakaian Perjanjian. Mereka juga boleh berunding bersama-sama bagi menghapuskan pencukaaian dua kali dalam hal-hal yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian.

4. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi maksud suatu persetujuan bagi maksud perenggan-perenggan yang terdahulu dari ini.

Perkara 26

PERTUKARAN MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini. Apa-apa maklumat yang diterima oleh Negara Pejanji hendaklah dikira sebagai rahsia dengan cara yang sama dengan maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah-mahkamah atau pihak-pihak berkuasa ulangkaji) yang terlibat dalam pentaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, atau pemutusan rayuan berhubungan dengan, cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud sedemikian. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu di dalam prosiding mahkamah awam atau di dalam keputusan kehakiman.

2. Tidak sekali-kali boleh peruntukan perenggan 1 ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas Negara Pejanji kewajipan:

- (a) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan-amalan pentadbiran Negara itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
- (c) untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia tred, perniagaan, perindustrian, komersial atau professional, atau proses tred, atau maklumat yang pendedahannya akan menjadi bertentangan dengan polisi awam (perintah awam).

Perkara 27

PELBAGAI

1. Pihak-pihak berkuasa kompeten Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan bersama bersetuju tentang perkiraan-perkiraan berkenaan dengan cara bagaimana had-had dan pengecualian-pengecualian yang terkandung dalam Perkara-Perkara terdahulu dari ini akan dilaksanakan.

2. Perjanjian ini tidaklah menyentuh hak pemastautin Negara Pejanji kepada faedah daripada galakan-galakan cukai dan pelaburan, pengecualian-pengecualian dan elaun-elaun yang diadakan oleh Negara Pejanji yang satu lagi mengikut undang-undang domestik, peraturan-peraturan dan amalan-amalan pentadbirannya.

Perkara 28**PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMATIK DAN KONSULAR**

Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik atau konsular di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

Perkara 29**MULA BERKUATKUASA**

1. Perjanjian ini hendaklah tertakluk kepada ratifikasi mengikut kehendak-kehendak perlembagaan kedua-dua Negara Pejanji dan suratcara ratifikasi hendaklah ditukar di.....

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pertukaran suratcara ratifikasi dan hendaklah berkuatkuasa dalam kedua-dua Negara Pejanji:

- (a) berkenaan dengan semua cukai yang ditahan pada sumber, kepada amaun yang berkenaan dengan cukai-cukai yang dibayar atau dikreditkan pada atau selepas hari pertama bulan Januari 1989; dan
- (b) berkenaan dengan lain-lain cukai:
 - (i) di Kuwait, cukai yang boleh dikenakan bagi apa-apa tempoh cukai bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari 1989; dan
 - (ii) di Malaysia bagi tahun taksiran yang bermula pada hari pertama bulan Januari 1989, dan tahun-tahun pentaksiran yang berikutnya.

Perkara 30**TEMPOH DAN PENAMATAN**

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun dan hendaklah terus berkuasa bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang serupa melainkan jika, mana-mana satu Negara Pejanji memberitahu Negara yang satu lagi secara bertulis, enam bulan sebelum habisnya tempoh pada mulanya atau apa-apa tempoh yang berikutnya, tentang hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini enam bulan sebelum akhir mana-mana tahun kalender. Dalam keadaan demikian, Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa dalam kedua-dua Negara Pejanji:

- (a) berkenaan dengan cukai-cukai yang ditahan pada sumber, kepada amaun yang dibayar atau dikreditkan pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun yang berikutan tahun dalam mana notis itu diberikan;

(b) berkenaan dengan lain-lain cukai;

- (i) di Kuwait, cukai yang boleh dikenakan bagi apa-apa tempoh cukai bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun yang berikutan tahun dalam mana notis itu diberikan; dan
- (ii) di Malaysia, bagi tahun pentaksiran pada hari pertama bulan Januari dalam tahun yang berikutan tahun dalam mana notis itu diberikan.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa sewajarnya bagi maksud itu, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT di Kuwait dalam dua salinan pada 5 haribulan Februari 2003 yang bersamaan dengan 4 haribulan Zulhijjah 1423H, dalam bahasa Malaysia, bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, kesemua naskah adalah sama sah. .

Dalam hal percanggahan, naskah bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI PIHAK KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI PIHAK KERAJAAN
NEGARA KUWAIT

PROTOKOL

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negara Kuwait pada menandatangani di Kuwait pada hari Rabu, 4 Zulhijjah 1423H yang bersamaan dengan 5 haribulan Februari 2003. Perjanjian mengelakkan pencukaian dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai ke atas pendapatan dan bagi mengeratkan perhubungan ekonomi telah bersetuju ke atas peruntukan-peruntukan yang berikut yang hendaklah dijadikan bahagian integral Perjanjian ini.

1. Berkenaan dengan Perkara 2

Bagi maksud perenggan 2(b)(iii) Perkara ini berkenaan dengan cukai-cukai yang diliputi di bawah Perjanjian ini bagi Kuwait, adalah difahamkan bahawa Malaysia akan menganggap zakat sebagai cukai hanya apabila ia dibayar oleh seorang individu yang adalah pemastautin Malaysia.

2. Berkenaan dengan Perkara 4

Adalah disetujui bahawa institusi-institusi Kerajaan Kuwait dalam pengertian perenggan 2(c) Perkara ini adalah entiti-entiti perbadanan berikut yang diwujudkan di bawah undang-undang awam yang dimiliki sepenuhnya dan dikawal oleh Kuwait:

- perbadanan-perbadanan awam,
- pihak-pihak berkuasa,

- agensi-agensi Kerajaan,
- yayasan-yayasan,
- kumpulan-kumpulan wang pembangunan

Tertakluk kepada peruntukan perenggan 2 subperenggan (c) Perkara ini institusi-institusi tambahan boleh diiktirafkan sebagai institusi-institusi Kerajaan.

3. Berkenaan dengan Perkara 5

Bagi maksud perenggan 4 Perkara ini adalah difahamkan bahawa jika aktiviti-aktiviti pengawasan yang disebut dalam perenggan itu dijalankan oleh perusahaan itu sendiri berkaitan dengan tapak bangunan atau projek pembinaan yang diusahakan oleh perusahaan itu tempoh yang terpakai adalah 12 bulan sebagai ganti 6 bulan.

4. Berkenaan dengan Perkara 10

- (1) Dalam hal unit amanah adalah difahamkan bahawa pencukaian ke atas sesuatu unit amanah akan bergantung kepada sama ada amanah itu adalah amanah terkecuali atau tidak. Maka, pencukaian ke atas pemegang unit akan bergantung kepada status pengecualian cukai amanah itu. Jika amanah itu dikecualikan, dividen-dividen yang dibahagikan kepada pemegang unit adalah pada masa ini dikecualikan setakat \$5,000 setahun. Apa-apa yang berlebihan dalam amaun ini akan tertakluk kepada cukai berdasarkan kadar marginal pemegang unit. Dalam hal sesuatu amanah tak terkecuali, layanan cukai dividen-dividen yang dibahagikan kepada pemegang unit adalah serupa dengan dividen-dividen yang dibahagikan kepada syarikat-syarikat.
- (2) Adalah juga difahamkan bahawa Malaysia bercadang tidak mengambilkira sebagai pendapatan laba-laba yang terbit daripada jualan syer-syer oleh amanah unit.

5. Berkenaan dengan Perkara 11

- (1) Bagi maksud perenggan 3 Perkara ini sesuatu pinjaman diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 Malaysia ertinya:
 - (a) apa-apa pinjaman atau kredit yang dibuat kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri (termasuklah apa-apa pinjaman atau kredit yang dibuat kepada seseorang selain daripada Kerajaan atau Kerajaan Negeri di mana pinjaman atau kredit itu digerentikan oleh Kerajaan atau Kerajaan Negeri), pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun; atau
 - (b) apa-apa pinjaman atau kredit selain daripada sesuatu pinjaman atau kredit yang dinyatakan dalam subperenggan (a), yang dibuat kepada seseorang di mana amaun pinjaman atau kredit tersebut melebihi dua ratus lima puluh juta ringgit,

oleh seseorang yang tidak bermastautin di Malaysia;

Dengan syarat bahawa:

- (i) pinjaman atau kredit itu telah diluluskan oleh Menteri Kewangan; dan
 - (ii) perjanjian pinjaman atau kredit itu telah dibuat di Malaysia atau di mana perjanjian pinjaman atau kredit itu dengan kelulusan terdahulu daripada Menteri telah disempurnakan di luar Malaysia.
- (2) Bagi maksud perenggan 5(b)(ii) Perkara ini, di mana 51 peratus atau lebih daripada modal syer sesuatu syarikat dimiliki secara benefisial oleh Kerajaan Kuwait dan/atau oleh institusi-institusi Kerajaan Kuwait, syarikat itu hendaklah dianggap sebagai suatu syarikat terkawal.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya bagi maksud itu oleh Kerajaan-Kerajaan masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT di Kuwait dalam dua salinan pada 5 haribulan Februari 2003 yang bersamaan dengan 4 haribulan Zulhijjah 1423H, dalam bahasa Malaysia, bahasa Arab dan bahasa Inggeris, kesemua naskah adalah sama sah. .

Dalam hal percanggahan, naskah bahasa Inggeris hendaklah mengatasi.

BAGI PIHAK KERAJAAN
MALAYSIA

BAGI PIHAK KERAJAAN
NEGARA KUWAIT

Dibuat 10 Mei 2006
[Perb. 0.6869/48 Vol. 3(26); PN(PU²)80/A/IX]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE
STATE OF KUWAIT) ORDER 2006

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the State of Kuwait) Order 2006**.

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the State of Kuwait with a view to affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Kuwaiti tax (as defined in each case in the arrangements) and it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

**AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND
THE GOVERNMENT OF THE STATE OF KUWAIT FOR THE
AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF
FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME AND FOR
THE FOSTERING OF ECONOMIC RELATIONS**

The Government of Malaysia and the Government of the State of Kuwait desiring to conclude an Agreement for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income and for the fostering of economic relations, have agreed as follows:

Article 1

PERSONAL SCOPE

This Agreement shall apply to persons who are residents of one or both of the Contracting States.

Article 2**TAXES COVERED**

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed by a Contracting State, irrespective of the manner in which they are levied.
2. The taxes which are the subject of this Agreement are:
 - (a) in Malaysia:
 - (i) the income tax and excess profit tax;
 - (ii) the supplementary income tax, that is development tax; and
 - (iii) the petroleum income tax;(hereinafter referred to as “Malaysian tax”);
 - (b) in the State of Kuwait:
 - (i) the corporate income tax;
 - (ii) the 5% of the net profits of shareholding companies payable to the Kuwait Foundation for the Advancement of Science (KFAS); and
 - (iii) the Zakat;(hereinafter referred to as “Kuwait tax”).
3. The Agreement shall also apply to any identical or substantially similar taxes on income which are imposed after the date of signature of this Agreement in addition to, or in place of, the existing taxes. The competent authorities of the Contracting States shall notify each other of important changes which have been made in their respective taxation laws.

Article 3**GENERAL DEFINITIONS**

1. In this Agreement, unless the context otherwise requires:
 - (a) the term “Malaysia” means the territories of the Federation of Malaysia, the territorial waters of Malaysia and the sea-bed and subsoil of the territorial waters, and includes any area extending beyond the limits of the territorial waters of Malaysia, and the sea-bed and subsoil of any such area, which has been or may hereafter be designated under the laws of Malaysia and in accordance with international law as an area over which Malaysia has sovereign rights for the purposes of exploring and exploiting the natural resources, whether living or non-living;
 - (b) the term “Kuwait” means the State of Kuwait and includes any area beyond the territorial sea which in accordance with international law has been or may be designated under the laws of Kuwait as an area in which Kuwait may exercise sovereign rights or jurisdiction;
 - (c) the terms “a Contracting State” and “the other Contracting State” mean Malaysia or Kuwait as the context requires;

- (d) the term “person” includes an individual, a company and any other body of persons which is treated as a person for tax purposes;
- (e) the term “company” means any body corporate or any entity which is treated as a body corporate for tax purposes;
- (f) the terms “enterprise of a Contracting State” and “enterprise of the other Contracting State” mean respectively an enterprise carried on by a resident of a Contracting State and an enterprise carried on by a resident of the other Contracting State;
- (g) the term “tax” means Malaysian tax or Kuwaiti tax, as the context requires;
- (h) the term “national” means:
 - (i) in respect of Malaysia, any individual possessing the nationality or citizenship of Malaysia and any legal person, partnership, association and any other entity deriving its status as such from the laws in force in Malaysia;
 - (ii) in respect of Kuwait, any individual possessing the nationality of Kuwait and any legal person, partnership and association deriving its status as such from the laws in force in Kuwait.
- (i) the term “international traffic” means any transport by a ship or aircraft operated by an enterprise which has its place of effective management in a Contracting State, except when the ship or aircraft is operated solely between places in the other Contracting State;
- (j) the term “competent authority” means:
 - (i) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative;
 - (ii) in the case of Kuwait, the Minister of Finance or his authorised representative.

2. In the application of the Agreement by a Contracting State, any term not defined therein shall, unless the context otherwise requires, have the meaning which it has under the laws of that State concerning the taxes to which the Agreement applies.

Article 4

RESIDENT

1. For the purposes of this Agreement, the term “resident of a Contracting State” means:
 - (a) in the case of Malaysia, a person who is resident in Malaysia for the purposes of Malaysian tax; and
 - (b) in the case of Kuwait, and individual who has his domicile in Kuwait and is a national of Kuwait and a company which is incorporated in Kuwait or has its place of effective management in Kuwait.

2. For the purpose of paragraph 1 above:
 - (a) Malaysia and its political subdivisions shall be deemed to be a resident of Malaysia,
 - (b) Kuwait shall be deemed to be a resident of Kuwait,
 - (c) government institutions shall be deemed, according to affiliation, to be a resident of Malaysia or of Kuwait. Any institution shall be deemed to be a government institution which has been created by the government of one of the Contracting States or, in the case of Malaysia, of its political subdivisions, for the fulfillment of public functions and which is recognized as such by mutual agreement of the competent authorities of the Contracting States.
3. Where by reason of the provisions of paragraph 1 an individual is a resident of both Contracting States, then his status shall be determined as follows:
 - (a) he shall be deemed to be a resident of the State in which he has a permanent home available to him;
 - (b) if he has a permanent home available to him in both States, he shall be deemed to be a resident of the State with which his personal and economic relations are closer (centre of vital interests);
 - (c) if the State in which he has his centre of vital interests cannot be determined, or if he has not a permanent home available to him in either State, he shall be deemed to be a resident of the State in which he has an habitual abode;
 - (d) if he has an habitual abode in both States or in neither of them, he shall be deemed to be a resident of the State of which he is a national.
4. Where, by reason of the provisions of paragraph 1, a person other than an individual is a resident of both Contracting States, then it shall be deemed to be a resident of the state in which its place of effective management is situated.

Article 5

PERMANENT ESTABLISHMENT

1. For the purposes of this Agreement, the term “permanent establishment” means a fixed place of business through which the business of an enterprise is wholly or partly carried on.
2. The term “permanent establishment” includes especially:
 - (a) a place of management;
 - (b) a branch;
 - (c) an office;
 - (d) a factory;
 - (e) a workshop;

-
- (f) a mine, an oil or gas well, a quarry or any other place of extraction of natural resources including timber or other forest produce;
 - (g) a farm or plantation;
 - (h) a building or construction site which exists for more than 12 months;
 - (i) an installation or assembly project which exists for more than 6 months.
 - 3. The term “permanent establishment” shall be deemed not to include:
 - (a) the use of facilities solely for the purpose of storage, display or delivery of goods or merchandise belonging to the enterprise;
 - (b) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of storage, display or delivery;
 - (c) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of processing by another enterprise;
 - (d) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of purchasing goods or merchandise, or of collecting information, for the enterprise;
 - (e) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of carrying on, for the enterprise, any other activity of a preparatory or auxiliary character;
 - (f) the maintenance of a fixed place of business solely for any combination of activities mentioned in sub-paragraph (a) to (e), provided that the overall activity of the fixed place of business resulting from this combination is of a preparatory or auxiliary character.
 - 4. An enterprise of a Contracting State shall be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State if it carries on supervisory activities in that other State for more than 6 months in connection with a construction, installation or assembly project which is being undertaken in that other State.
 - 5. A person (other than a broker, general commission agent or any other agent of an independent status to whom paragraph 6 applies) acting in a Contracting State on behalf of an enterprise of the other Contracting state shall be deemed to be a permanent establishment in the first-mentioned state, if:
 - (a) he has, and habitually exercises in the first-mentioned State, an authority to conclude contracts in the name of the enterprise, unless his activities are limited to the purchase of goods or merchandise for the enterprise; or
 - (b) he maintains in the first-mentioned State a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise from which he regularly fills orders on behalf of the enterprise; or
 - (c) he manufactures or processes in the first-mentioned State for the enterprise goods or merchandise belonging to the enterprise.

6. An enterprise of a Contracting State shall not be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State merely because it carries on business in that other State through a broker, general commission agent or any other agent of an independent status, where such persons are acting in the ordinary course of their business.

However, when the activities of such an agent are devoted wholly or almost wholly on behalf of that enterprise, he shall not be considered an agent of an independent status if the transactions between the agent and the enterprise were not made under arms length conditions.

7. The fact that a company which is a resident of a Contracting State controls or is controlled by a company which is a resident of the other Contracting State, or which carries on business in that other State (whether through a permanent establishment or otherwise), shall not of itself constitute either company a permanent establishment of the other.

Article 6

INCOME FROM IMMOVABLE PROPERTY

1. Income derived by a resident of a Contracting State from immovable property situated in the other Contracting State may be taxed in that other State.

2. For the purpose of this Agreement, the term “immovable property” shall be defined in accordance with the law of the Contracting State in which the property in question is situated. The term shall in any case include property accessory to immovable property, livestock and equipment used in agriculture and forestry, rights to which the provisions of general law respecting landed property apply, usufruct of immovable property and rights to variable or fixed payments as consideration for the working of, or the right to work, mineral deposits, oil or gas wells, quarries and other places of extracting of natural resources including timber or other forest produce. Ships, boats and aircraft shall not be regarded as immovable property.

3. The provisions of paragraph 1 shall apply to income derived from the direct use, letting, or use in any other form of immovable property.

4. The provisions of paragraphs 1 and 3 shall apply also to the income from immovable property of an enterprise and to income from immovable property used for the performance of professional services.

Article 7

BUSINESS PROFITS

1. The profits of an enterprise of a Contracting State shall be taxable only in that State unless the enterprise carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein. If the enterprise carries on business as aforesaid, the profits of the enterprise may be taxed in the other State but only so much thereof as is attributable to that permanent establishment.

2. Subject to the provisions of paragraph 3, where an enterprise of a Contracting State carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein, there shall in each Contracting State be attributed to that permanent establishment the profits which it might be expected to make if it were a distinct and separate enterprise engaged in the same or similar activities under the same or similar conditions and dealing wholly independently with the enterprise of which it is a permanent establishment.

3. In determining the profits of a permanent establishment, there shall be allowed as deductions expenses which including executive and general administrative expenses, which would be deductible if the permanent establishment were an independent enterprise, whether incurred in the State in which the permanent establishment is situated or elsewhere.

4. Insofar as it has been customary in a Contracting State to determine the profits to be attributed to the permanent establishment of an apportionment of the total profits of the enterprise to its various parts, nothing in paragraph 2 shall preclude that Contracting State from determining the profits to be taxed by such an apportionment as may be customary; the method of apportionment adopted shall, however, be such that the result shall be in accordance with the principles contained in this Article.

5. No profits shall be attributed to a permanent establishment by reason of the mere purchase by that permanent establishment of goods or merchandise for the enterprise.

6. For the purposes of the preceding paragraphs, the profits to be attributed to the permanent establishment shall be determined by the same method year by year unless there is good and sufficient reason to the contrary.

7. Where profits include items of income which are dealt with separately in other Articles of this Agreement, then the provisions of those Articles shall not be affected by the provisions of this Article.

Article 8

SHIPPING AND AIR TRANSPORT

1. Profits derived by an enterprise of a Contracting State from the operation of ships or aircraft in international traffic shall be taxable only in that State.

2. Paragraph 1 shall also apply to the share of the profits from the operation of ships or aircraft derived by a resident of a Contracting State through participation in a pool, a joint business or an international operating agency.

Article 9

ASSOCIATED ENTERPRISES

Where—

- (a) an enterprise of a Contracting State participates directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of the other Contracting State, or

- (b) the same persons participate directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of a Contracting State and an enterprise of the other Contracting State,

And in either case conditions are made or imposed between the two enterprises in their commercial or financial relations which differ from those which would be made between independent enterprises, then any profits which would, but for those conditions, have accrued to one of the enterprises, but, by reason of those conditions, have not so accrued, may be included in the profits of that enterprise and taxed accordingly.

Article 10

DIVIDENDS

1. Dividends paid by a company which is a resident of a Contracting State to a resident of the other Contracting State may be taxed in that other State.
